

Keunikan kota purba Petra

H. Metro M/S V4 12.07.07

Unesco mengiktirafnya Tapak Warisan Dunia dan terpilih satu daripada Tujuh Keajaiban Baru Dunia

>>Oleh Mustapa Omar

musomar@nstp.com.my

PERJALANAN menyusuri gurun kira-kira tiga jam dengan kereta dari Amman, Jordan memang meletihkan. Semuanya kosong kecuali sekali-sekala kelihatan rumah-rumah kecil yang dibuat daripada tanah liat menghiasi kawasan lembah dikelilingi pohon kurma.

Tidak ada kawasan rehat dan rawat untuk berhenti menghilangkan lelah. Kenderaan juga tidak begitu banyak, mungkin kerana pada waktu itu bulan puasa dan sudah menjadi tabiat orang Arab lebih suka berehat di rumah selepas waktu Zuhur.

Kami tiba di Wadi Musa yang menjadi pintu masuk ke kawasan kota purba Petra dan singgah di sebuah masjid untuk solat Zuhur. Apa yang menarik, di sini kami berwujud menggunakan air dari kolam Mata Air Nabi Musa.

Memasuki kota purba Petra satu pengalaman mengasyikkan. Kota bersejarah terletak 240 kilometer di barat daya Jordan itu begitu unik. Ia terkenal bukan saja kerana struktur batu yang diukir, malah sistem saluran dan terowong air yang dikatakan

mendahului zamannya.

Kota yang dibina di kawasan Lembah Musa kira-kira 2000 tahun lalu itu jelas menunjukkan kepakaran dan kemahiran kaum Nabatean - yang didakwa oleh masyarakat Badwi di sekitar lembah berkenaan sebagai asal-usul nenek moyang mereka dan mempunyai hubungan dengan tamadun Ad serta Thamud.

Keunikannya itulah yang membuatkan Unesco mengiktirafnya sebagai Tapak Warisan Dunia dan terbaru, ia terpilih sebagai satu daripada Tujuh Keajaiban Baru Dunia, di samping Tembok Besar China, Piramid Chichen Itza di Mexico; Patung Christ di Rio De Janeiro, Brazil; Machu Picchu di Peru, Taj Mahal di India dan Colosseum di Rom, Itali.

Menjelajah Petra bukanlah mudah. Jika ingin melihat keseluruhan kota berkenaan, ia mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hari. Kami hanya memilih beberapa tempat yang mudah dikunjungi dan menarik, termasuk Ad-Dayr, bekas kawasan perkuburan tidak siap yang pernah dijadikan biara ketika zaman pemerintahan Byzantin.

Petra adalah kota tersembunyi

KENANGAN...penulis (tengah) di kota bersejarah Petra.




di tengah pergunungan Araba. Jalan dan lorong-lorong kecil di celah curam gunung menjadikan pemandangan di situ cukup indah, sehingga mendorong Steven Spielberg memilihnya sebagai lokasi bagi filem Indiana Jones and the Last Crusade.

Perjalanan menjelajah Petra melalui Siq (lalu di celah gunung), terhenti di penghujung bumbung batu apabila mata tertumpu ke arah binaan yang diukir pada

dinding batu - El Khazneh atau Perbendaharaan - ukiran dalam batu pejal yang didakwa dibuat dengan tangan setinggi 140 meter.

Kekemasan dan ketelitian pada ukiran itu jelas mencerminkan keistimewaan kaum Nabatean dalam bidang ukiran dan seni bina. Mungkin ramai pengunjung yang bertanya-tanya bagaimana kaum itu membuatnya sedangkan ketika itu tidak ada peralatan canggih



MENGAGUMKAN...binaan El Khazneh atau Perbendaharaan di kota purba Petra.


seperti sekarang.

Hakikatnya, begitulah keadaan yang dapat dilihat di sekitar Petra. Bukit batu di kiri kanan dengan kesan ukiran, dari rumah ibadat, rumah gua tempat tinggal kaum Nabatean, kubur dan teater yang boleh memuatkan 7,000 penonton. Selain itu, kami juga dapat melihat dari jauh makam Nabi Harun yang terletak di puncak Gunung Hor.

Dalam perjalanan pulang ke

Amman, kami sempat singgah di Wadi Rum, kawasan lembah bergurun berlatar belakang pergunungan Araba yang terkenal dengan keindahan semula jadinya, terutama ketika matahari terbenam. Untuk sampai ke situ, kami terpaksa menyewa jip kerana kawasan padang pasir berkenaan tidak sesuai untuk kereta biasa. Di sinilah kami berbuka puasa bersama beberapa pengembara lain.

Enam lagi monumen keajaiban dunia




Tembok Besar China

- Dibina antara kurun ke-5 dan ke-16 untuk mempertahankan China daripada serangan luar. Ia dianggap struktur binaan terpanjang yang pernah dilakukan manusia, berukuran 6,400 kilometer dari Genting Shanghai di timur ke Lop Nur di barat.




Tugu Christ the Redeemer di Rio de Janeiro di Brazil

- Patung setinggi 38 meter dengan berat 700 tan, ia terletak di kawasan ketinggian 700 meter di Gunung Corcovado di Hutan Simpan Tijuca. Ia dikatakan dibina sekitar 1850-an. Monumen itu dibuka kepada umum pada 1931.




Machu Picchu di Peru

- Penempatan itu ditemui pada 1911 oleh seorang ahli arkeologi, Hiram Bingham. Ia satu daripada penempatan purba yang tercantik dan sukar dibayangkan pembinaannya di dunia. Penemuan beratus-ratus batu besar dipercayai dari sejak 1400.




Runtuhan Maya di Chichen Itza, Mexico

- Ia dianggap kawasan arkeologi terkenal di dunia, kira-kira 120 kilometer dari Merida di wilayah Yucatan, Mexico. Kawasan itu dikatakan dibina di antara 600 dan 1,250 Sebelum Masihi dan dijadikan pusat bagi kegiatan politik, ekonomi, agama dan kuasa ketenteraan.



Colosseum di Rom

- Ia dianggap antara bangunan paling berpengaruh ketika empayar Rom. Ukuran bangunan itu ialah 188 meter x 156 meter dengan ketinggian 48 meter. Ia boleh menampung kira-kira 55,000 penonton yang boleh memasuki melalui 80 pintu masuk.



Taj Mahal di Agra, India

- Bangunan tercantik di dunia ini dibina oleh Mahataja Monggol, Shah Jahan sebagai penghormatan dan tanda cinta kepada isterinya, Mumtaz Mahal. Ia dibina pada 1632 dan siap pada 1648.